


Kemahiran Membuat Nota

Oleh : Norhisham Hj. Omar

Dalam proses kemahiran belajar yang berkesan kepada pelajar, membuat nota merupakan komponen yang dianggap remeh. Kajian secara rambang di sekolah harian, 65 % pelajar tidak membuat nota sewaktu mengulangkaji pelajaran. Ada di antara pelajar yang membuat nota tetapi tidak menyimpan atau mengumpunya secara sistematik. Peranan nota kepada daya ingatan manusia merupakan elemen yang tidak perlu disangkal lagi. Ingatan manusia akan lupa 80% dalam masa 24 jam selepas menerima maklumat baru atau lama. Justeru itu, kalau kita lihat sistem pembelajaran di sekolah, guru-guru akan mengarahkan pelajar untuk menyalin nota yang disediakan dengan harapan agar pelajar boleh membuat ulangkaji di rumah dan menjadi bahan bacaan penting apabila berhadapan dengan musim peperiksaan. Namun penyimpanan dan pengumpulan nota menjadi perkara yang perlu dititikberatkan kerana ia mampu menjadi motivasi kepada pelajar untuk mengulangkaji pelajaran. Mengikut Tony Buzan, kombinasi penggunaan otak kanan dan kiri akan menguatkan lagi daya ingatan manusia. Pelajar sering menggunakan otak kiri untuk menyimpan dan mengeluarkan semula maklumat. Oleh itu, kaedah menghafal yang hanya melibatkan penggunaan otak kiri mempunyai tempoh ingatan yang kurang efektif. Apabila pelajar ingin membuat nota sewaktu mengulangkaji pelajaran, aspek kombinasi otak kiri dan kanan perlu diambil kira agar ingatan menjadi mudah dan seronok. Berikut adalah beberapa tip untuk menyediakan nota pelajaran.



- ***Bahan nota mestilah boleh dikumpul dan disimpan***
Kebiasaan pelajar akan menggunakan kertas kajang, 'examination pad', kad manila yang dipotong pendek (nota ringkas) ataupun buku untuk membuat nota. Kelemahan sewaktu menyediakan nota ialah bahan-bahan ini tidak dikumpul dengan sistematik menyebabkan usaha membuat nota menjadi sia-sia. Kadang-kadang pelajar bersikap 'hangat-hangat tahi ayam' apabila rajin pada suatu masa (terutamanya selepas menghadiri kem motivasi) dan akhirnya kembali malas semula. Pada peringkat awal ini, nota dibuat dengan cantik dan kemas namun selepas itu, tidak tahu di mana diletakkan nota tersebut. Oleh itu, kumpullah nota dan gunakan dengan sebaik mungkin.
- ***Gunakan pen yang berbagai warna***
Apabila membaca, manusia akan tertarik dengan bahan-bahan yang berwarna-warni. Oleh itu, sebaik-baiknya pelajar menggunakan paling minimum 2 warna apabila membuat nota. Mencatat nota biasa menggunakan warna biru misalnya dan menulis dengan pen hitam untuk fakta-fakta atau perkataan-perkataan penting. Selain itu, pelajar juga boleh menggunakan 'highlight' yang berwarna untuk memberi penekanan kepada fakta penting. Kadangkala penggunaan pensil juga perlu terutamanya apabila menggunakan kaedah gambar dalam menulis nota.
- ***Tulisan kemas dan cantik***
Pelajar perlu ingat, nota yang dibuat adalah untuk dibaca sebagai bahan ulangkaji. Sekiranya nota ditulis dengan tulisan yang tidak cantik, motivasi sendiri pelajar akan menjadi lemah kerana tidak berminat untuk menatap dan membaca nota yang telah dibuat sendiri. Buatlah nota dengan kemas supaya ia seronok untuk dibaca sepanjang masa.
- ***Nota mestilah pendek dan ringkas***
Apabila kita menulis nota, hanya fakta-fakta yang dianggap penting sahaja yang perlu dimasukkan ke dalam nota tersebut. Fakta-fakta itu pula perlu diolah ayatnya agar menjadi pendek dan ringkas. Sekiranya nota menjadi panjang, pelajar akan mula menjadi malas untuk membacanya.

- **Format Yang Sistematis**
Bagi menarik minat untuk mengulangkaji pelajaran, nota yang disediakan seelok-eloknya menggunakan format yang sistematis dan menarik. Contohnya seperti berikut



- **Peta Minda**

Bagi pelajar yang gaya pembelajaran jenis visual, adalah lebih baik menggunakan cara peta minda untuk membuat nota.



Bagi memahami kemahiran mencatat nota ini, ikuti bengkel mencatat nota oleh Unit Kaunseling. Selamat Berjaya.